

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
ORIENTAL BANK BERHAD, KUALA LUMPUR
SEMPENA PELANCARAN BUKU MONOGRAF 'INSPIRASI DAN PERASMIAN
GALERI SENI ORIENTAL BANK
06 MAC 1996

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama menghadiri majlis yang mulia ini pada petang ini dan seterusnya menyaksikan pelancaran Buku Monograf 'Inspirasi' dan perasmian Galeri Seni, Oriental Bank Berhad. Di atas undangan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih.

2. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada beberapa pihak yang telah mengusahakan aktiviti seni ini. Terutamanya kepada pihak Oriental Bank Berhad, yang menjadi penaja utama, kepada pihak Universiti Pertanian Malaysia sebagai penerbit dan kepada pihak Institut Teknologi MARA (ITM) khususnya Jabatan Seni Reka Tekstil, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, (ITM). Kepada penulis buku monograf ini, iaitu Puan Zaharah Ahmad Osman selaku Ketua Projek dan Puan Zaliha Shaari sebagai Koordinator, saya ucapkan syabas dan tahniah.

3. Saya difahamkan bahawa monograf Inspirasi ini yang bertemakan 'Pendekatan Kontemporari Reka Corak Melayu Tradisional' merupakan hasil penerbitan ulung Jabatan Seni Reka Tekstil, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, ITM. Monograf ini ialah suatu dokumentasi hasil kerja-kerja pelajar mengenai kaji selidik Tekstil Melayu Tradisional di dalam aspek penghasilan iaitu Tekstil Resis, Tekstil Fiber dan Tekstil Cetakan. Karya-karya ini menampilkan ide-ide inovatif melalui penggunaan teknologi terkini serta penghasilan seni tekstil yang bermutu tinggi. Saya difahamkan pelancaran ini juga disusuli dengan satu pameran kain-kain tekstil yang dihasilkan khas bagi tujuan Tabung Amanah Jabatan bagi perancangan akademik dan kebajikan pelajar Jabatan Seni Reka Tekstil. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, penghasilan dan penerbitan monograf dalam bidang kesenian khususnya bidang tekstil masih berkurangan di negara ini apatah lagi dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu, diharap dengan penerbitan monograf yang memaparkan persembahan yang unik dan kreatif ini akan memperkayakan lagi pengetahuan tentang seni dan budaya kita sendiri. Saya berharap ini akan menjadi sumber rujukan bukan sahaja di kalangan para akademik, mahupun peminat seni tetapi juga orang ramai umumnya.

5. Untuk memperkayakan lagi Seni Reka Tekstil Melayu di kaca mata dunia, monograf atau buku seumpama ini hendaklah diperbanyakkan lagi oleh pihak Institut Pengajian Tinggi atau individu.

6. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada Oriental Bank kerana telah mengusahakan sebuah Galeri Seni yang dapat memberi

ruang dan peluang kepada perkembangan Seni Visual Tanah Air. Bagi saya, ini merupakan satu sumbangan yang amat besar dan harus dibanggakan.

7. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kedua-dua peristiwa ini. Semoga kerjasama dan komitmen yang sebegini rupa dapat diteruskan dari semasa ke semasa demi memperkayakan lagi kegiatan budaya seni negara.

8. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran monograf inspirasi dan Galeri Seni Oriental Bank.